

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : -**

**SOALAN**

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan berapakah jumlah empangan bekalan air yang dijangka tidak mampu menampung keperluan bekalan air akibat daripada pembangunan dan pertambahan penduduk setempat dan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah tersebut.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Pembinaan sesebuah empangan bagi meningkatkan kapasiti sumber mentah sudah mengambil kira faktor pembangunan dan pertambahan penduduk dalam jangka masa panjang. Walau bagaimanapun, dalam sesetengah kes penyusutan paras air di empangan terjadi disebabkan faktor seperti cuaca kering melampau, aktiviti pertanian tidak dirancang di kawasan tadahan, perubahan polisi penggunaan tanah di peringkat negeri dan sebagainya. Keadaan ini menjelaskan kemampunan kawasan tadahan untuk menakung sumber air mentah seterusnya menjelaskan kapasiti empangan yang terletak di kawasan tadahan berkenaan.
  
2. Dalam konteks fenomena El Nino yang melanda negara sekarang, terdapat penyusutan kapasiti sumber air mentah di 10 buah empangan di Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Perak dan Sabah, di mana telah menjelaskan bekalan air terawat kepada 22,166 akaun di Semenanjung Malaysia dan 1,200 akaun di Sabah. Malah catuan air telah diaktifkan di Daerah Mersing dan Kota Tinggi di Johor mulai 18 April 2016 melibatkan 16,301 akaun.
  
3. Selain pembinaan empangan, usaha mempelbagaikan sumber air adalah antara langkah jangka panjang yang dikenalpasti oleh Kerajaan Persekutuan dalam menjamin ‘water security’ kepada Malaysia. Ia termasuk penerokaan air bawah tanah, pembinaan empangan bawah tanah (*underground dam*), penggunaan air kumbahan terawat dan sebagainya.

4. Dalam pada itu, langkah jangka pendek turut diambil, termasuk:

- (i) penghantaran air melalui lori tangki dan tangki statik ke kawasan terjejas;
- (ii) pemberian awam;
- (iii) bantuan daripada syarikat-syarikat air dari negeri yang tidak terjejas; dan
- (iv) mempergiatkan kempen penjimatan air.

\*\*\*\*\*